

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**WAKAF ZURIAT DI MALAYSIA:  
ANALISA PERSPEKTIF  
PENGURUSAN DAN  
PENAMBAHBAIKAN KERANGKA  
MODEL**

**MUHAMMAD HAMIZAN BIN  
AB HAMID**

Tesis Ini Dikemukakan Untuk  
Memenuhi Keperluan Bagi  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Mei 2022**

## **ABSTRAK**

Wakaf zuriat merupakan satu transaksi kehartaan yang unik dalam Islam. Ia tidak hanya dilihat sebagai satu bentuk pengabdian diri kepada Allah bahkan tanggungjawab sosial kepada keluarga dan masyarakat. Kesejahteraan ahli keluarga merupakan suatu keutamaan dalam kehidupan pada masa kini. Islam amat menggalakkan supaya memberikan yang terbaik dalam setiap urusan dengan memelihara kebijakan mereka. Kajian ini membincangkan tentang konsep wakaf zuriat menurut perspektif Islam dan amalannya di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini mengenalpasti persepsi ahli waris terhadap kecekapan pelaksanaan pengurusan wakaf zuriat di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan bentuk pelaksanaan yang telah dijalankan oleh MAIN dalam membangunkan aset harta wakaf zuriat. Seterusnya, kajian ini mencadangkan model bagi menambahbaik pengurusan wakaf zuriat di Malaysia. Reka bentuk kajian terdiri daripada kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif melalui temu bual, pemerhatian, dan dokumen yang dikumpulkan sebagai data primer. Data sekunder pula melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 40 orang responden. Manakala, kajian sebenar terhadap respondan pula dilaksanakan seramai 208 orang daripada empat buah negeri. Kajian mendapati bahawa wakaf zuriat masih mendapat perhatian oleh masyarakat umumnya kerana masih ada amalan wakaf zuriat yang diuruskan oleh kerajaan dan individu dalam membangunkan wakaf zuriat. Oleh itu, satu pendekatan yang efektif terhadap pengurusan wakaf zuriat perlu dibuat penelitian terutamanya dalam aspek pengurusan, pembangunan, dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan terhadap model pengurusan wakaf zuriat yang sedia ada.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan kurnia dan anugerah-Nya kerana memberikan saya kesihatan, kecerdasan dan pertolongan yang baik serta masa yang cukup untuk menyiapkan tesis doktor falsafah ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih dan syukur kerana diberikan peluang untuk menyambung pengajian di peringkat PhD di bawah tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Jutaan terima kasih yang tidak mampu saya balas kepada penyelia Prof Madya Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani dan Profesor Dr. Ismail bin Ahmad yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, bimbingan dan teguran yang membina sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tidak ketinggalan pensyarah khususnya Dr. Mohd Amzari bin Tumiran dan Dr. Mohd Faiz bin Mohamed Yusof banyak membantu serta memberi sokongan seterusnya menguatkan semangat saya untuk menyiapkan kajian ini.

Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al Bakri, Sahibul Samahah Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda, Mantan Mufti Negeri Terengganu Darul Iman, Encik Mohd Ridzuan bin Mohamad, Ketua Penolong Setiausaha (Wakaf), Pengurus MAL MAIDAM, Encik Muhammad Azizan bin Abdullah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Puan Ummi Sayyidatul Habibah binti Mat Lazin, Unit Wakaf dan Sumber Am, MAIDAM, Tuan Hj. Fakhruddin bin Abd Rahman, Unit Pembangunan Hartanah Dan Harta Wakaf, MAINPP, Puan Syakirah binti Mohamad, Pegawai Wakaf, MAIK dan Tuan Syeikh Fakhruzzai bin Yub, Pegawai Wakaf, MAIK turut bersama-sama berkongsi pandangan dan memberikan idea yang bernas kepada saya. Juga tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA, khususnya Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang telah memberikan peluang untuk saya belajar di sini.

Akhir sekali, insan yang sentiasa bersama-sama mengharungi suka duka, sentiasa bersama ketika senang, susah, sentiasa memberikan kekuatan dan inspirasi isteri tersayang serta dicintai Amirah Shajaah binti Azmi. Buat ibunda, Mardziah binti Said dan ayahanda, Ab Hamid bin Hj. Ahmad tercinta doamu tidak terhingga. Buat anak-anak yang menjadi penyejuk hati ‘Isyah Haniyyah dan Hud Hayyan. Tidak lupa juga yang sentiasa memberikan sokongan dan memahami kesukaran saya melakukan kajian ialah keluarga mertua walid, Azmi bin Harun dan ibu, Sabariah binti Mukhtar. Sesungguhnya doa kalian amat dihargai dan hanya Allah yang mampu membalaunya. Amin Ya Rab al- ‘alamin.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	ii
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN EJAAN</b>	xiii
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xiv
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xx
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Rasional	4
1.4 Penyataan Masalah	6
1.4.1 Kelemahan Pengurusan Dan Agihan Manfaat Wakaf Zuriat	6
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Objektif Kajian	11
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Definisi Istilah	16
1.10 Penutup	19
<b>BAB DUA: KONSEP WAKAF ZURIAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN AMALANNYA DI MALAYSIA</b>	
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Definisi Wakaf Menurut Bahasa, Istilah Syarak Dan Undang-Undang Di Malaysia	20
2.2.1 Wakaf Dari Segi Bahasa	20
2.2.2 Wakaf Dari Segi Istilah Syarak	21
2.2.3 Definisi Wakaf Zuriat	22

2.2.4	Wakaf Zuriat Menurut Undang-Undang Di Malaysia	23
2.2.5	Pensyariatan Wakaf Zuriat	25
2.3	Pengurusan Wakaf Zuriat Menurut Perspektif Islam Dan Amalannya Di Malaysia	31
2.3.1	Pengurusan Wakaf Zuriat Dalam Islam	32
2.3.1.1	<i>Pengurus Harta Wakaf Zuriat</i>	32
2.3.1.2	<i>Perlantikan Pengurus Khas Wakaf Zuriat</i>	32
2.3.1.3	<i>Syarat Kelayakan Pengurus Wakaf Zuriat</i>	32
2.3.1.4	<i>Bidang Tugas Pengurus Harta Wakaf Zuriat</i>	32
2.3.1.5	<i>Tanggungjawab Pengurus Harta Wakaf Zuriat</i>	34
2.3.1.6	<i>Upah Yang Diterima Oleh Pengurus Harta Wakaf Zuriat</i>	34
2.3.1.7	<i>Pemecatan Pengurus Harta Wakaf Zuriat</i>	35
2.3.2	Pengurusan Wakaf Zuriat Di MAIN	35
2.3.2.1	<i>MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal</i>	36
2.3.2.2	<i>Prosedur Pengurusan Wakaf Zuriat Di MAIN</i>	38
2.3.2.3	<i>Model Pengurusan Wakaf Zuriat Di MAIN</i>	47
2.3.2.4	<i>Kaedah Agihan Manfaat Wakaf Zuriat</i>	48
2.3.3	Teoritikal Kajian	55
2.4	Kepentingan Wakaf Zuriat Kepada Ahli Waris	58
2.4.1	Agama	58
2.4.2	Ekonomi	61
2.4.3	Pendidikan	63
2.4.4	Sosial	65
2.5	Fatwa Wakaf Zuriat	68
2.5.1	Fatwa Wakaf Zuriat Negeri Kelantan	69
2.5.2	Fatwa Wakaf Zuriat Negeri Terengganu	75
2.5.3	Fatwa Wakaf Zuriat Pulau Pinang	82
2.6	Sorotan Kajian Pengurusan Wakaf Zuriat	85
2.7	Penutup	99